

Pendekatan Pengajaran Kontekstual dalam Kalangan Pendidik Tadika Swasta di daerah Sepang, Selangor

Contextual Teaching Approach Among Private Kindergarten Educators in Sepang District, Selangor

R. Jayavani a/p Rajamanickam & Nurul Jannah Binti Kamaruddin

Universiti Selangor, alan Timur Tambahan, 45600 Batang Berjuntai, Selangor, Malaysia

email: Jayavani_r@unisel.edu.my

Published: 30 December 2024

To cite this article (APA): Rajamanickam, R. J., & Kamaruddin, N. J. (2024). Pendekatan pengajaran kontekstual dalam kalangan pendidik tadika swasta di daerah Sepang, Selangor. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 10(2), 1–12. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol10.2.1.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol10.2.1.2024>

Abstrak

Pengajaran kontekstual merupakan pembelajaran berasaskan kehidupan sebenar kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengajaran pendekatan kontekstual dalam kalangan pendidik Tadika Swasta di daerah Sepang. Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah melibatkan soal selidik dengan 15 item soalan yang berasaskan objektif dan persoalan kajian yang pertama. Bahagian A adalah maklumat demografi para pendidik, dapatan kajian adalah berdasarkan bahagian B iaitu amalan pengajaran kontekstual. Instrumen kajian ini telah disahkan oleh pakar dari Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial Universiti Selangor (UNISEL), dan kajian rintis dengan 50 responden menunjukkan nilai Alpha Cronbach keseluruhan 0.96, dan 0.97 bagi setiap item, menandakan kebolehpercayaan yang tinggi. Data dianalisis melalui analisis deskriptif dengan menggunakan IBM SPSS Versi 27 (Statistical Package for the Social Science). Kajian sebenar melibatkan 265 orang pendidik sebagai sampel kajian daripada jumlah populasi 835 guru-guru Tadika Swasta di daerah Sepang. Cabaran utama telah dikenalpasti iaitu kekurangan bahan pengajaran dan kurang kerjasama. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan pendidik menyedari kepentingan pendekatan kontekstual dan mengaplikasikannya, seperti penggunaan bahan pembelajaran relevan dan aktiviti luar kelas. Kajian ini mencadangkan agar sokongan dan latihan tambahan diberikan kepada pendidik untuk mengaplikasikan pendekatan ini secara berkesan. Implikasi kajian menunjukkan, pendekatan pengajaran kontekstual berpotensi meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak.

Kata kunci: *amalan pendekatan kontekstual, pendidikan awal kanak-kanak, tadika swasta*

Abstract

The contextual approach teaching connects lessons to the real-life experiences of children. This study aims to identify the implementation of the contextual teaching approach among private kindergarten educators in the Sepang district. The research design involves a questionnaire of 15 items which designated based on research objective and research question. Section A contains educators' demographic information, Section B is based on 15 contextual teaching practices. The research instrument was validated by experts from the Department of Early Childhood Education, Faculty of Education and Social Sciences, University Selangor (UNISEL), and a pilot study with 50 respondents showed an overall Cronbach's Alpha value of 0.96, and 0.97 for each item, indicating high reliability. The data were analysed using descriptive analysis with IBM SPSS Version 27 (Statistical Package for the Social Science). The actual study involved 265 private kindergarten educators in the Sepang district. Challenges such as lack of teaching materials and insufficient collaboration were identified. The findings revealed that most educators recognize the importance of the contextual approach and apply it, such as using relevant learning materials and outdoor activities. The study recommends providing additional support and training for

educators to effectively apply this approach. The implications of the study indicate that the contextual teaching approach has the potential to enhance the quality of early childhood education.

Keywords: *contextual approach, early childhood education, private kindergarten, descriptive analysis.*

PENGENALAN

Pendekatan kontekstual sebenarnya bukan sesuatu yang baru. John Dewey memperkenalkan pendekatan ini buat pertama kali pada awal abad ke-20 di Amerika Syarikat (Depdiknas, 2002:7). Pendekatan kontekstual kemudiannya berkembang di negara maju dengan nama yang berbeza. Di Amerika Syarikat, pendekatan ini dikenali sebagai *Contextual Teaching and Learning*. Manakala di Belanda, pendekatan yang sama berkembang di bawah nama *Realistik Mathematics Education* khusus untuk pembelajaran matematik (Kementerian Pendidikan, 2002:3).

Pembelajaran kontekstual merupakan satu konsep yang disokong oleh pelbagai kajian sebenar dalam sains kognitif dan teori tingkah laku yang bersama-sama mendasari konsep dan proses pembelajaran kontekstual (Depdiknas, 2002:5). Ia dapat diterapkan dengan baik dengan memperhatikan enam elemen utama (Depdiknas, 2002: 11-12). Pertama, pembelajaran yang bermakna. Pelajar terlibat secara aktif dalam pengalaman dunia sebenar yang mendorong mereka untuk menghubungkan perkara subjek dengan persepsi, nilai dan makna peribadi. Kedua, aplikasi ilmu. Pelajar digalakkan untuk mengaplikasikan perkara tersebut dalam konteks dan fungsi lain pada masa kini dan pada masa hadapan. Ketiga, pemikiran aras tinggi. Pelajar dilatih untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam mengumpulkan data, memahami isu, atau menyelesaikan masalah. Keempat, kurikulum berasaskan standard. Kelima, responsif budaya. Pengajar menghormati dan memahami nilai, kepercayaan, dan tabiat pelajar dan masyarakat. Keenam, penilaian autentik yang sah digunakan untuk mencerminkan hasil pembelajaran pelajar.

Kajian ini dibuat adalah untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat mengenai Pengajaran pendekatan kontekstual dalam kalangan pendidik Tadika Swasta supaya ia boleh diperkembangkan dengan menunjukkan bagaimana hasil dapatan boleh memberi implikasi positif kepada pihak-pihak yang berkepentingan dan menggalakan kajian lanjutan berdasarkan dapatan dan Analisa kajian ini.

Kajian utama mengandungi tiga bahagian dapatan hasil kajian iaitu, (Bahagian B) amalan pengajaran kontekstual, (Bahagian C) cabaran yang dihadapi dan (Bahagian D) langkah-langkah untuk meningkatkan amalan pengajaran kontekstual. Walaupun kajian ini telah dibina berdasarkan tiga objektif kajian dan tiga persoalan kajian, dalam penulisan ini hanya objektif dan persoalan kajian yang pertama sahaja akan dibentangkan, iaitu untuk bahagian B sahaja dimana perbincangannya adalah dari segi dapatan dan analisa berkenaan amalan-amalan dalam pendekatan pengajaran kontekstual dalam kalangan pendidik tadika swasta, di daerah Sepang, Selangor.

FOKUS KAJIAN

Bagi bahagian B objektif kajian adalah ‘mengenal pasti amalan pengajaran pendekatan kontekstual dalam kalangan pendidik Tadika Swasta’. Manakala persoalan kajian adalah ‘sejauhmanakah amalan pengajaran pendekatan kontekstual dilaksanakan oleh pendidik Tadika Swasta?’. 15 item soalan telah didina berdasarkan amalan-amalan dalam pendekatan pengajaran kontekstual yang telah diadaptasi dari kajian-kajian lepas dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian ini.

Senarai soalan bahagian B adalah seperti berikut:

- B1**-Pendidik mengaitkan kandungan pembelajaran dengan situasi kehidupan sebenar atau pengalaman harian kanak-kanak.
- B2**-Aktiviti membeli belah di pasar mini yang paling efektif kepada kanak-kanak.
- B3**-Teknik bercerita sejenis kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh pendidik untuk mengaitkan dengan situasi yang sebenar berlaku dalam kehidupan seharian
- B4**-Mata pelajaran matematik adalah paling mudah untuk dikaitkan dengan situasi dari dunia nyata

B5-Lawatan ke muzium adalah paling efektif untuk membantu penerapan konsep kontekstual dalam Pelajaran.

B6-Pendidik menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut tahap umur kanak-kanak

B7-Kanak-kanak berminat terhadap aktiviti "hands on" yang diterapkan konsep inkuiri.

B8-Penggunaan bahan yang berkaitan dengan pengajaran pendekatan kontekstual dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran

B9-Kumpulan kecil adalah cara yang terbaik untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran pendekatan kontekstual

B10-Salah satu kaedah pengajaran adalah melakukan aktiviti "outdoor" dengan kanak-kanak yang dapat meningkatkan pendedahan situasi dengan dunia nyata

B11-Pemerhatian secara langsung adalah salah satu cara yang digunakan oleh pendidik untuk menilai perkembangan kanak-kanak

B12-Teknik soal jawab adalah kaedah yang paling berkesan dalam amalan pendekatan kontekstual supaya pendidik dapat memahami pemikiran dan perasaan kanak-kanak

B13-Pendidik menyediakan ruang untuk perbincangan berkumpul di mana kanak-kanak boleh berkongsi pandangan dan idea mereka tentang topik yang sedang dipelajari.

B14-Pendidik mengumpulkan hasil kerja kanak-kanak sepanjang tempoh tertentu untuk menilai kemajuan dan pencapaian mereka dalam pengajaran pendekatan kontekstual.

B15-Pendidik menggunakan senarai semak yang telah ditetapkan untuk menilai kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak dalam pengajaran pendekatan kontekstual dengan spesifik

Kepentingan Kajian

Cara konsep Pembelajaran Pendekatan kontekstual ini perlu dimahiri oleh pendidik Tadika supaya Pengajaran dan Pemudahcara (PdPc) berkesan seterusnya membantu pelajar dapat mengingatnya dengan lebih lama. Bagaimanakah cara guru berkomunikasi secara berkesan dengan pelajar yang selalu bertanya tentang sebab, makna, dan hubungan dengan bahan yang dipelajari. Serta bagaimana untuk membuka pemikiran pelajar yang pelbagai supaya mereka dapat mempelajari pelbagai konsep dan mengaitkannya dengan kehidupan sebenar (Jabatan Pendidikan, 2002).

Latar belakang bagi kajian pendekatan ini adalah supaya ia dapat membentuk landasan bagi perkembangan dan implementasi program pendidikan awal kanak-kanak yang berkesan. Pendidikan awal kanak-kanak dilihat sebagai langkah awal yang penting untuk membentuk dasar pembelajaran sepanjang hayat dan memberikan anak-anak peluang yang setara untuk berkembang secara optimal. Konsep pendidikan awal kanak-kanak merujuk kepada pendekatan atau falsafah pendidikan yang memberikan penekanan kepada tahap pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak sejak usia awal mereka. Terdapat beberapa pendekatan atau teori yang menekankan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak yang penting.

Bagi pendidikan prasekolah seperti Tadika Swasta, amalan pengajaran pendekatan kontekstual adalah penting untuk memastikan pengalaman pembelajaran yang relevan, bermakna, dan sesuai dengan keperluan perkembangan kanak-kanak. Penggunaan bahan aktiviti majud ataupun tempatan adalah bahan-bahan aktiviti yang merangkumi unsur-unsur seperti gambar- gambar, buku cerita, atau permainan yang menggambarkan persekitaran sekitar taska atau kawasan sekitar di sekeliling kanak-kanak.

Setiap kanak-kanak adalah berbeza dan pendekatan kontekstual haruslah bersifat fleksibel dan disesuaikan dengan keperluan kanak-kanak tersebut. Dengan menerapkan amalan-amalan ini, pendidik Tadika Swasta dapat mencipta persekitaran pembelajaran yang merangsang, bermakna, dan relevan bagi perkembangan holistik kanak-kanak. Amalan ini akan memberikan kesan yang terbaik dalam membentuk asas pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak untuk tempoh yang lebih lanjut dalam pendidikan mereka. Pengetahuan dan kemahiran awal yang diberikan mestilah berdasarkan perkembangan yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak supaya ia mudah diterima dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan (Mazeni & Hasmadi 2017).

TINJAUAN LITERATUR

Pendekatan kontekstual merupakan salah satu pendekatan inovatif dalam dunia pendidikan yang sangat relevan untuk diaplikasikan di Tadika. Pendekatan ini mengutamakan perkaitan antara isi pelajaran dengan dunia sebenar kanak-kanak supaya pembelajaran lebih bermakna. Pendekatan kontekstual juga merupakan pendekatan yang memfokuskan kepada dunia sebenar pelajar. Ini bermakna pembelajaran berkisar kepada konteks kehidupan sebenar dan pendekatan ini sudah tentu akan membolehkan pelajar lebih memahami konsep yang terlibat. Menurut buku Kurikulum Standard Pra-sekolah Kebangsaan 2017 (KSPK) pula, pendekatan kontekstual ialah pendekatan pembelajaran yang mengintegrasikan kandungan dengan pengalaman harian persekitaran peribadi, sosial dan kerja.

Kaedah ini menyediakan pembelajaran konkrit termasuk aktiviti praktikal dan pemikiran aktif. Pembelajaran hanya akan berlaku apabila pelajar dapat memproses maklumat atau pengetahuan baharu secara bermakna dalam pemikiran mereka. Pembelajaran akan menjadi lebih berkesan jika maklumat disampaikan kepada pelajar dalam konteks yang pelbagai dan bermakna. Penekanan harus diberikan kepada kepelbagaian dalam persekitaran pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Pendidik digalakkan untuk memilih atau mencipta persekitaran pembelajaran yang merangkumi pelbagai pengalaman, sama ada dalam konteks sosial, budaya, fizikal atau psikologi, untuk mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Malangnya, penerapan pendekatan kontekstual di Tadika Swasta di daerah Sepang masih belum optimum.

Penyelidikan mengenai aplikasi pendekatan kontekstual dalam Pendidikan awal kanak-kanak dan di kebanyakan institusi Tadika swasta adalah masih minima. Pada masa yang sama kajian berkenaan pendekatan ini juga sangat kurang dalam bidang Pendidikan awal kanak-kanak. Maka dalam penulisan ini amalan-amalan popular dalam pengajaran pendekatan kontekstual dalam kalangan pendidik Tadika swasta akan dikenal pasti dan satu perbincangan berkenaan juga akan dibentangkan.

REKA BENTUK KAJIAN


Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan pendekatan tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama. Instrumen soal selidik yang mengandungi empat bahagian iaitu maklumat demografi pendidik (Bahagian A), amalan pengajaran kontekstual (Bahagian B), cabaran yang dihadapi (Bahagian C), dan langkah-langkah untuk meningkatkan amalan pengajaran kontekstual (Bahagian D). Pengkaji memilih pendekatan kuantitatif kerana ia membolehkan pengumpulan data dari responden dengan cepat dan mudah melalui penyebaran pautan borang soal selidik kepada pendidik Tadika Swasta.

Instrumen kajian ini telah disahkan oleh seorang pakar bidang dan seorang pakar Bahasa dari Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Unisel Selepas pengesahan instrumen kajian telah dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian. Maka satu maklum balas soal selidik bagi kajian rintis ini telah dikumpul dari 50 pendidik Tadika swasta yang berada di sekitar daerah Sepang, Selangor. Data yang dikumpulkan untuk kajian rintis ini telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22 di mana nilai alpha cronbach yang diperoleh secara keseluruhan adalah 0.964.

Populasi bagi kajian ini adalah para pendidik Tadika Swasta yang mengajar di daerah Sepang, Selangor. Data populasi pendidik tadika swasta telah disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Pendidikan Daerah Sepang (rujukan surat bertarikh 24/6/2024). Berdasarkan data populasi yang diperolehi, pendidik tadika swasta di daerah Sepang adalah seramai 835 orang dan sample kajian telah ditentukan berdasarkan jadual penentuan saiz sample pengiraan Krejcie dan Morgan (1970); Chua, Y.P (2020) dimana, 265 orang pendidik tadika swasta telah ditentukan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A akan memperincikan tentang latar belakang responden dengan menggunakan peratusan. Bahagian B pula menjelaskan tentang tahap pengajaran pendekatan kontekstual, bahagian C pula memperincikan tentang cabaran yang dihadapi dan seterusnya, bahagian D menerangkan tentang langkah-langkah untuk meningkatkan pengajaran pendekatan kontekstual dalam kalangan pendidik Tadika Swasta.



Rajah 1: Taburan Demographi Responden

Responden kajian terdiri daripada 265 orang pendidik Tadika Swasta di daerah Sepang. Latar belakang responden merangkumi aspek-aspek seperti jantina, umur, bangsa, kelayakkan akademik tertinggi, tempoh perkhidmatan sebagai pendidik Tadika, saiz kelas, lokasi Tadika, dan jumlah jam mengajar seminggu. Berdasarkan rajah 1.0, Item tentang jantina menunjukkan ramai responden adalah dari golongan perempuan iaitu sebanyak 78%, manakala lelaki adalah sebanyak 22%.


Kategori umur dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu 18 – 22 tahun dengan dapatan 12%, 23 – 27 tahun 66%, 28 – 32 tahun 14% dan 33 tahun ke atas 8%. Responden yang berumur 23 – 27 tahun iaitu sebanyak 66%, manakala responden terendah adalah responden yang berumur 33 tahun dan ke atas iaitu sebanyak 8%. Ini menunjukkan bahawa bilangan responden yang berumur 23 – 27 tahun lebih ramai berbanding bilangan responden yang berumur 33 tahun dan ke atas kerana Tadika Swasta dimonopoli oleh umur 23 – 27 tahun berbanding umur 33 tahun dan ke atas.

Bagi kategori bangsa terdapat 4 kumpulan iaitu Melayu, Cina, India dan Lain-lain. Taburan responden mengikut bangsa ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.0. responden yang tertinggi adalah responden bangsa India iaitu sebanyak 61%, Melayu 21% cina 10% dan lain-lain sebanyak 2%.

Seterusnya dapatan bagi kelayakan akademik pula dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu Sijil Pelajaran Malaysia 11%, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Diploma 19%, Ijazah Sarjana Muda 66% dan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah 4%. Dapatan berikutnya kumpulan saiz kelas juga dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu kurang 15 murid 45%, 16 – 25 murid 40%, 26 – 35 murid 6% dan lebih 35 murid 9%. Item demografi berkenaan lokasi tadika diberikan antara 2 pilihan iaitu bandar dan luar bandar responden yang tertinggi dalam lokasi Tadika di daerah Sepang adalah bandar yang mencatat sebanyak 82%, manakala responden yang terendah dalam lokasi Tadika adalah luar bandar iaitu mencatat sebanyak 18%.

Bagi jumlah jam mengajar dalam seminggu diberi pilihan antara kurang dari 30 minit 22%, 30 -40 minit 44% dan lebih 40 minit 29%.

Manakala item tempoh perkhidmatan sebagai pendidik Tadika swasta dibahagikan kepada 4 kumpulan seperti kurang 5 tahun 73%, 5-10 tahun 10%, 11-15 tahun 11% dan lebih 15 tahun dan ke atas 6%.



Rajah 2: Amalan Dalam Pengajaran Pendekatan Kontekstual Dalam Kalangan Pendidik Tadika Swasta

Berdasarkan dapatan kajian dan analisis SPSS, susunan urutan item-item dalam bahagian B telah disenaraikan bermula dengan item yang telah mendapatkan min yang tertinggi ke yang terendah berkaitan dengan tahap pengajaran yang paling popular ke yang kurang popular.

B8-Penggunaan bahan yang berkaitan dengan pengajaran pendekatan kontekstual dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran ($m=4.21$) dan sisihan piawai (.640),

B11-Pemerhatian secara langsung adalah salah satu cara yang digunakan oleh pendidik untuk menilai perkembangan kanak-kanak ($m=4.20$) dan sisihan piawai (.594),

B2-Aktiviti membeli belah di pasar mini yang paling efektif kepada kanak-kanak ($m=4.15$) dan sisihan piawai (.568),

B9-Kumpulan kecil adalah cara yang terbaik untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran pendekatan kontekstual ($m=4.14$) dan sisihan piawai (.561),

B10-Aktiviti "outdoor" dengan kanak-kanak yang dapat meningkatkan pendedahan situasi dengan dunia nyata ($m=4.14$) dan sisihan piawai (.566),

B13-Pendidik menyediakan ruang untuk perbincangan berkumpulan di mana kanak-kanak boleh berkongsi pandangan dan idea mereka tentang topik yang sedang dipelajari ($m=4.12$) dan sisihan piawai (.642), **B1-**Pendidik mengaitkan kandungan pembelajaran dengan situasi kehidupan sebenar atau pengalaman harian kanak-kanak ($m=4.11$) dan sisihan piawai (.496),

B7-Kanak-kanak berminat terhadap aktiviti "hands on" yang diterapkan konsep inkuiri ($m=4.10$) dan sisihan piawai (.632),

B15-Pendidik menggunakan senarai semak yang telah ditetapkan untuk menilai kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak dalam pengajaran pendekatan kontekstual dengan spesifik ($m=4.09$) dan sisihan piawai (.489).

B6-Pendidik menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut tahap umur kanak-kanak ($m=4.05$) dan sisihan piawai (.604),

B3-Teknik bercerita sejenis kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh pendidik untuk mengaitkan dengan situasi yang sebenar berlaku dalam kehidupan seharian ($m=4.03$) dan sisihan piawai (.621), **B14-**Pendidik mengumpulkan hasil kerja kanak-kanak sepanjang tempoh tertentu

untuk menilai kemajuan dan pencapaian mereka dalam pengajaran pendekatan kontekstual ($m=4.02$) dan sisihan piawai (.668), B5-Lawatan ke muzium adalah paling efektif untuk membantu penerapan konsep kontekstual dalam pelajaran ($m=3.96$) dan sisihan piawai (.667),

B4-Mata pelajaran matematik adalah paling mudah untuk dikaitkan dengan situasi dari dunia nyata ($m=3.93$) dan sisihan piawai (.597),

B12-Teknik soal jawab adalah kaedah yang paling berkesan dalam amalan pendekatan kontekstual supaya pendidik dapat memahami pemikiran dan perasaan kanak-kanak ($m=3.71$) dan sisihan piawai (.902).

PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini perbincangan akan berdasarkan analisis descriptive berasaskan nilai min yang tertinggi ke yang terendah. Nilai min yang tertinggi menggambarkan amalan tersebut sangat popular dikalangan pendidik tadika swasta dan terendah merupakan amalan yang kurang popular dalam pengajaran pendekatan kontekstual ini.

1. Sejauhmanakah amalan pengajaran pendekatan kontekstual dilaksanakan oleh pendidik Tadika Swasta?

Perbincangan bagi 15 items yang telah disenaraikan bagi bahagiab B kajian mengikut min yang tertinggi adalah seperti berikut:

B11-Pemerhatian secara langsung adalah salah satu cara yang digunakan oleh pendidik untuk menilai perkembangan adalah salah satu cara yang digunakan oleh pendidik untuk menilai perkembangan kanakkanak. Melalui pemerhatian ini, pendidik dapat mengumpulkan maklumat yang mendalam mengenai aspek kognitif, sosial, emosi, dan fizikal kanak-kanak dalam persekitaran semula jadi mereka. Dengan memerhatikan kanak-kanak dalam konteks bilik darjah dan interaksi harian mereka, pendidik dapat melihat bagaimana mereka berfungsi dalam situasi dunia nyata, yang sukar diperoleh melalui penilaian formal sahaja (Pianta et al., 2021). Pemerhatian secara langsung adalah alat yang penting dalam menilai perkembangan kanak-kanak. Ia memberikan pandangan yang kontekstual dan holistik, membolehkan penilaian berdasarkan tingkah laku nyata, mengenal pasti keperluan individu, meningkatkan hubungan pendidik-kanak-kanak, dan menggalakkan refleksi serta penambahbaikan pengajaran. Oleh itu, pendidik harus mengintegrasikan kaedah pemerhatian langsung sebagai sebahagian daripada pendekatan penilaian mereka untuk memastikan perkembangan kanak-kanak yang menyeluruh dan berkesan.

B2-Aktiviti membeli belah di pasar mini yang paling efektif kepada kanak-kanak, Ini juga dibuktikan dalam kajian Anik Lestarinigrum (2015) bahawa dengan menggunakan bahan konkrit seperti duit yang sebenar, troli kecil dan barang-barang maujud kepada berusia 5 hingga 6 tahun dapat mengembangkan kemampuan berfikir kanak-kanak untuk memahami konsep matematik sederhana, iaitu konsep nilai mata wang kira. Menurut ayminsyadora ayub (2013) , kanak-kanak dapat mengenal dan melihat dengan benda-benda maujud secara langsung. Pendidik perlu membentuk aktiviti bermain yang sesuai dengan peringkat kognitif kanak-kanak, membolehkan mereka menghadapi cabaran yang sesuai dengan tahap keupayaan mereka dan secara beransur-ansur mengembangkan kemahiran kognitif kanak-kanak.

B9-Kumpulan kecil adalah cara yang terbaik untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran pendekatan kontekstual, Kaedah ini membolehkan pendidik memberikan perhatian yang lebih khusus kepada setiap kanak-kanak, mengadaptasi bahan pengajaran mengikut keperluan individu dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan kolaboratif. Pengajaran dalam kumpulan kecil boleh meningkatkan interaksi antara pendidik dan kanak-kanak. Ini membolehkan kanak-kanak lebih terlibat dalam proses pembelajaran, bertanya soalan, dan berbincang secara lebih mendalam tentang topik yang dipelajari (Slavin, 2022). Pengajaran dalam kumpulan kecil adalah cara yang sangat efektif untuk meningkatkan keberkesanan pendekatan kontekstual dalam

pendidikan. Ia meningkatkan interaksi dan penglibatan kanak-kanak, membolehkan penyesuaian pengajaran mengikut keperluan individu, menggalakkan kemahiran sosial dan kerjasama serta memperkukuh pemahaman pembelajaran. Oleh itu, Pendidik harus mempertimbangkan untuk menggunakan kumpulan kecil sebagai sebahagian daripada strategi pengajaran mereka untuk memaksimumkan potensi pembelajaran kanak-kanak.

Bagi soalan B10 ialah salah satu kaedah pengajaran adalah melakukan aktiviti “outdoor” dengan kanak-kanak yang dapat meningkatkan pendedahan situasi dengan dunia nyata. Aktiviti luar bilik darjah menyediakan peluang pembelajaran yang kaya dan berbeza, yang boleh membantu dalam perkembangan kognitif, sosial, dan fizikal kanak-kanak. Aktiviti luar bilik darjah juga membolehkan kanak-kanak mengaitkan pelajaran dengan pengalaman dunia nyata. Contohnya, kajian tentang ekosistem atau fenomena cuaca menjadi lebih bermakna apabila dilakukan dalam persekitaran semula jadi di mana kanak-kanak dapat melihat dan mengalami sendiri konsep-konsep tersebut. Aktiviti "outdoor" menawarkan banyak manfaat dalam konteks pendidikan kanak-kanak. Ia menjadikan pembelajaran lebih kontekstual dan relevan untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan kanak-kanak. Hal ini demikian, membantu dalam pembangunan kemahiran sosial dan emosi, meningkatkan kesihatan fizikal, dan mengembangkan kemahiran berfikir kritis dan penyelesaian masalah. Oleh itu, pendidik harus mempertimbangkan untuk memasukkan lebih banyak aktiviti luar bilik darjah dalam kurikulum mereka untuk memaksimumkan potensi pembelajaran kanak-kanak.

Bagi soalan B13 ialah pendidik menyediakan ruang untuk perbincangan berkumpulan di mana kanak-kanak boleh berkongsi pandangan dan idea mereka tentang topik yang sedang dipelajari. Perbincangan berkumpulan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berinteraksi dengan rakan sebaya mereka. Ini tidak hanya menggalakkan kolaborasi dalam pembelajaran, tetapi juga memupuk kemahiran sosial seperti bekerjasama, mendengar pendapat orang lain, dan mencapai persetujuan bersama. Kanak-kanak cenderung lebih terlibat dalam pembelajaran apabila mereka diberi peluang untuk menyuarakan pendapat mereka dan merasakan bahawa pandangan mereka dihargai. Perbincangan berkumpulan memberi mereka ruang untuk melibatkan diri secara aktif dalam topik pembelajaran dan mengembangkan minat mereka terhadap subjek tersebut. Secara keseluruhan, ini menunjukkan bahawa perbincangan berkumpulan adalah kaedah yang berkesan dalam pendidikan kerana ia memperkukuh pembelajaran kolaboratif, meningkatkan pemahaman konsep melalui pemikiran kritis, dan menyokong pengajaran yang bermakna serta relevan dengan kehidupan kanak-kanak.

Bagi soalan B1 didapati bahawa pendidik mengaitkan kandungan pembelajaran dengan situasi kehidupan sebenar atau pengalaman harian kanak-kanak. Pendekatan ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran lebih relevan dan bermakna kepada kanak-kanak dengan menggunakan contoh-contoh yang mereka kenal dalam kehidupan seharian mereka. Pembelajaran ini dianggap berlaku apabila kanak-kanak dapat mengaitkan maklumat baru dengan pengalaman sedia ada mereka. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, ini bermakna pendidik perlu mencipta aktiviti pembelajaran yang mencerminkan dunia sebenar kanak-kanak dan melibatkan mereka dalam pengalaman pembelajaran yang bermakna dan interaktif. Kajian terkini menunjukkan bahawa pendekatan kontekstual dalam pengajaran dapat meningkatkan keterlibatan dan motivasi kanak-kanak, serta memperbaiki pemahaman mereka terhadap konsep yang diajarkan. Contohnya, kajian oleh Haiza Hayati Baharudin, Abdul Halim Masnan, Azizah Zain (2021) mendapati bahawa pendekatan yang menekankan pembelajaran kontekstual dapat membantu kanak-kanak membina kompetensi sosial-emosional dan akademik yang lebih kuat dengan pengalaman tersendiri. Dengan menggunakan tahap ini, pendidik dapat membantu kanak-kanak memahami konsep-konsep abstrak dengan lebih baik melalui aplikasi praktikal dalam situasi harian mereka. Ini termasuk menghubungkan pelajaran matematik dengan aktiviti membeli-belah atau menggunakan konsep sains dalam permainan luar rumah. Tahap ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan tetapi juga lebih berkesan dalam jangka panjang.

Bagi soalan B7 ialah kanak-kanak berminat terhadap aktiviti “hands on” yang diterapkan konsep inkuiri. Kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti “hands on” dengan pendekatan inkuiri menunjukkan pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep sains berbanding dengan kanak-kanak yang menerima pengajaran secara tradisional. Aktiviti seperti eksperimen sains dan projek seni bina membantu kanak-kanak melihat bagaimana teori diaplikasikan dalam situasi nyata (Smith dan Jones, 2022). Aktiviti “hands on” yang diterapkan dengan konsep inkuiri jelas membawa banyak manfaat

dalam pendidikan kanak-kanak. Ia bukan sahaja meningkatkan minat dan motivasi mereka, tetapi juga memperkukuh pemahaman konsep, mengembangkan kemahiran berfikir kritis, memberikan pengalaman pembelajaran yang berbeza dan bermakna, serta merangsang kreativiti dan inovasi. Oleh itu, pendidik harus mengintegrasikan lebih banyak aktiviti sedemikian dalam kurikulum mereka untuk memastikan kanak-kanak dapat menikmati dan memanfaatkan sepenuhnya proses pembelajaran mereka.

Bagi soalan B15 iaitu pendidik menggunakan senarai semak yang telah ditetapkan untuk menilai kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak dalam pengajaran pendekatan kontekstual dengan spesifik. Senarai semak membolehkan pendidik untuk mengukur kemahiran dan pengetahuan secara objektif. Ini penting kerana ia memberi panduan yang jelas dalam menentukan tahap pencapaian kanak-kanak berdasarkan kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan. Dengan menggunakan senarai semak yang telah ditetapkan, pendidik dapat memastikan konsistensi dalam penilaian dalam kalangan kanak-kanak. Ini membantu memastikan bahawa semua aspek penting dari pembelajaran dalam pendekatan kontekstual diberi perhatian yang sama. Walaupun senarai semak berfokus pada aspek-aspek tertentu, penggunaannya secara holistik boleh membantu pendidik untuk memahami keseluruhan pencapaian kanak-kanak dalam konteks pembelajaran kontekstual. Ini membina gambaran yang lebih lengkap tentang perkembangan mereka. Dengan menggunakan senarai semak dalam pendekatan kontekstual, pendidik dapat meningkatkan kesan penilaian, memastikan konsistensi dalam penilaian, dan memberikan maklum balas yang lebih terperinci untuk sokongan pembelajaran yang lebih baik dalam kalangan kanak-kanak.

Bagi soalan B6 iaitu pendidik menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut tahap umur kanak-kanak. Menurut teori perkembangan kognitif Jean Piaget, kanak-kanak melalui beberapa tahap perkembangan yang berbeza. Contohnya, kanak-kanak prasekolah berada dalam tahap praoperasi (2-7 tahun), di mana mereka belajar melalui permainan simbolik dan imaginatif. Oleh itu, bahan bantu mengajar seperti mainan, permainan, dan bahan visual yang kaya dengan gambar dan warna adalah sangat sesuai untuk mereka. Oleh pendidik perlu memberikan kepentingan kepada penghasilan bahan bantu mengajar kepada kanak-kanak. Pendidik perlu peka terhadap minat dan kecenderungan individu kanak-kanak. Menggunakan bahan bantu mengajar yang berkaitan dengan minat mereka, seperti buku cerita kegemaran, mainan berasaskan tema tertentu, atau topik yang mereka gemari dan boleh meningkatkan motivasi dan minat mereka dalam pembelajaran. Pendidik perlu bijak dalam memilih dan menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut tahap umur dan perkembangan kanak-kanak. Bahan bantu mengajar yang tepat bukan sahaja membantu meningkatkan pemahaman dan minat kanak-kanak terhadap pembelajaran tetapi juga menyokong perkembangan keseluruhan mereka dalam aspek kognitif, sosial, dan emosi.

Bagi soalan B14 iaitu pendidik mengumpulkan hasil kerja kanak-kanak sepanjang tempoh tertentu untuk menilai kemajuan dan pencapaian mereka dalam pengajaran pendekatan kontekstual. Dengan mengumpulkan hasil kerja kanak-kanak secara berkala, pendidik dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang kemajuan mereka dalam aspek-aspek kritis seperti pemikiran kritis, kemahiran komunikasi, dan aplikasi konsep dalam konteks nyata. Pendekatan ini membolehkan pendidik untuk memantau perkembangan individu setiap kanak-kanak secara lebih berkesan. Mereka dapat mengenali kanak-kanak yang memerlukan sokongan tambahan atau cabaran yang lebih besar dalam pembelajaran mereka. Secara keseluruhan, pengumpulan hasil kerja kanak-kanak dalam pendekatan kontekstual membantu dalam menilai kemajuan mereka, memberi maklum balas yang berterusan, mengukur pertumbuhan jangka panjang dan menggalakkan pemantauan individu. Oleh itu, penting untuk memastikan pembelajaran yang efektif dan pembangunan yang bersepadu di kalangan kanak-kanak.

Soalan B5 iaitu Lawatan ke muzium adalah paling efektif untuk membantu penerapan konsep kontekstual dalam pelajaran. Muzium sering mempunyai pameran interaktif yang membolehkan kanak-kanak berinteraksi secara langsung dengan bahan pembelajaran. Contohnya, muzium sains mungkin mempunyai pameran di mana kanak-kanak boleh melakukan eksperimen sains mudah yang mengajarkan mereka tentang prinsip-prinsip sains secara praktikal. Bagi kanak-kanak, pembelajaran melalui sentuhan dan pengalaman langsung adalah lebih efektif berbanding dengan hanya mendengar atau melihat (Haiza Hayati Baharudin, Abdul Halim Masnan, Azizah Zain, 2021). Ini membantu mengukuhkan konsep yang mereka pelajari di kelas dengan melihat dan menyentuh objek sebenar. Lawatan ke muzium menyediakan peluang unik untuk menerapkan konsep kontekstual dalam pelajaran. Melalui pengalaman hands-on, penglibatan emosi, dan pembelajaran yang diperibadikan, muzium

membantu pelajar mengaitkan teori dengan aplikasi praktikal dalam kehidupan seharian mereka. Ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman dan ingatan kanak-kanak tetapi juga menjadikan pembelajaran lebih menarik dan bermakna.

Bagi soalan B4 iaitu mata pelajaran matematik adalah paling mudah untuk dikaitkan dengan situasi dari dunia nyata. Mengaitkan konsep matematik dengan situasi dunia nyata kanak-kanak menjadikan pembelajaran lebih menarik dan mudah difahami. Aktiviti harian seperti membeli-belah, memasak, bermain, dan mengukur dapat digunakan untuk mengajarkan konsep matematik yang penting, yang tidak hanya meningkatkan pemahaman mereka tetapi juga mengembangkan kemahiran praktikal yang berguna dalam kehidupan seharian. Contohnya, Kanak-kanak boleh belajar tentang pengiraan, penambahan, dan penolakan melalui aktiviti membeli-belah. Mereka boleh diberi tugas untuk mengira jumlah kos barang yang dibeli, baki wang selepas pembelian, dan membandingkan harga untuk memahami konsep nilai wang.

Soalan B12 ialah teknik bercerita sejenis kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh pendidik untuk mengaitkan dengan situasi yang sebenar atau pengalaman harian kanak-kanak. Teknik bercerita adalah kaedah pengajaran yang berkesan dalam mengaitkan kandungan pembelajaran dengan situasi sebenar atau pengalaman harian kanak-kanak. Dengan menggunakan cerita yang menarik dan relevan, pendidik dapat menjadikan pembelajaran lebih bermakna, meningkatkan pemahaman dan ingatan, serta mengembangkan kemahiran bahasa, sosial, dan emosi kanak-kanak. Pendekatan ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran tetapi juga membantu dalam pembentukan kompetensi penting bagi kanak-kanak dalam kehidupan mereka. Merujuk Chen dan McNamee (2023) dalam kajian mereka menyatakan bahawa pendekatan yang menekankan pembelajaran kontekstual melalui teknik bercerita dapat membantu kanak-kanak membina kompetensi sosial-emosional dan akademik yang lebih kuat melalui aktiviti yang relevan dengan kehidupan mereka.

Kesemua langkah-langkah ini, apabila dilaksanakan secara bersepadu dan berterusan, berpotensi untuk membawa peningkatan yang signifikan dalam amalan pengajaran pendekatan kontekstual di Tadika Swasta. Ini akan memberi impak positif kepada kualiti pendidikan awal kanak-kanak secara keseluruhan, menyediakan asas yang kukuh untuk pembelajaran sepanjang hayat.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Perbincangan ini mengandungi ringkasan dapatan kajian yang pentingnya telah ditemui selama menjalankan kajian ini. Secara keseluruhannya, pelaksanaan pelbagai cara yang bergantung kepada pengajaran pendekatan kontekstual yang digunakan oleh pendidik Tadika Swasta. Dalam konteks ini, pengkaji memberikan fokus kepada tahap pengajaran pendekatan kontekstual, cabaran yang dihadapi oleh pendidik dalam melaksanakan pengajaran pendekatan kontekstual dan langkah-langkah untuk meningkatkan pengajaran pendekatan kontekstual. Penerapan merujuk kepada cara pendidik menerapkan konsep atau nilai-nilai tertentu melalui pelbagai cara kepada kanak-kanak.

Dapatan kajian menunjukkan pendidik mampu menerapkan konsep dan nilai-nilai kepada kanak-kanak dalam pengajaran pendekatan kontekstual, sambil mengatasi cabaran-cabaran dalam pengajaran pendekatan kontekstual. Kepelbagaian cara dan kaedah yang digunakan kepada kanak-kanak memberikan impak positif kepada aspek JERIS seperti jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial kanak-kanak seperti yang dicetuskan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2017 (KSPK). Cadangan-cadangan seperti penambahan cara pendidik yang lebih efektif, kaedah pengurusan pihak Tadika Swasta serta program yang boleh ditawarkan oleh Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia lebih efektif turut dicadangkan sebagai langkah-langkah untuk meningkatkan kualiti dan pengajaran pendekatan kontekstual yang lebih berkesan oleh pendidik Tadika Swasta di Daerah Sepang.

Perbincangan dapatan kajian ini adalah lebih menyeluruh sekiranya beberapa perkara diambil kira untuk kajian akan datang. Pertamanya, pengkaji mencadangkan lebih banyak kajian perlu dijalankan untuk membuka mata pelbagai pihak dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan pendekatan kontekstual. Pengkaji juga mencadangkan perlu memperbanyakkan kajian dalam pendekatan kontekstual yang mengandungi faktor-faktor berlainan. Hal ini dapat menyenangkan untuk pengkaji yang akan datang sebagai rujukan dan boleh membantu kepada pendidik-pendidik yang baru.

Melaksanakan kajian untuk menilai keberkesanan program pelatihan dalam memperkenalkan dan melatih pendidik Tadika Swasta tentang pengajaran pendekatan kontekstual. Ini termasuk penilaian perubahan dalam cara pengajaran dan persepsi mereka terhadap pembelajaran kontekstual. Mengkaji bagaimana kanak-kanak merespons dan menerima pendekatan kontekstual dalam pembelajaran mereka di Tadika Swasta. Ini termasuk menilai tahap kepentingan mereka, penglibatan dalam aktiviti pembelajaran, dan persepsi mereka terhadap kegunaan pembelajaran dalam kehidupan mereka sehari-hari. Dengan melaksanakan kajian lanjutan mengenai salah satu atau beberapa aspek di atas, dapat membantu dalam memperkukuh pengajaran pendekatan kontekstual di Tadika Swasta di Daerah Sepang serta memberi panduan untuk penambahbaikan berterusan dalam amalan pendidikan mereka.

Oleh itu, cadangan untuk kajian lanjutan adalah dengan melibatkan lebih banyak pendidik Tadika Swasta di seluruh daerah sekitar Selangor. Kajian ini juga seharusnya diperluaskan kepada semua pendidik Prasekolah, Tadika Kemas, Tabika dan sebagainya untuk mendapatkan gambaran yang lebih holistik mengenai pengajaran pendekatan kontekstual. Di samping itu, cadangan kajian lanjutan adalah untuk melibatkan pendidik dan pihak ibu bapa daripada daerah lain dan bukan hanya tertumpu kepada Daerah Sepang. Pengkaji mencadangkan pengusaha Tadika Swasta memainkan peranan dalam memberi cadangan untuk memperluas ruang di luar. Penglibatan ibu bapa juga perlu ditingkatkan, terutamanya dalam programprogram Tadika Swasta.

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan kepentingan pendekatan kontekstual dalam pendidikan awal di Tadika Swasta dan keperluan untuk memperkasakan pendidik dalam melaksanakannya. Dengan cabaran yang dikenal pasti dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan yang dicadangkan, Tadika Swasta di Daerah Sepang berpotensi untuk menjadi model kecemerlangan dalam pendidikan awal kanak-kanak yang berpusatkan pelajar dan kontekstual.

RUJUKAN

- Abd Rahman, M. N., Mat Saad, M. I., Mamat, A. B., & Abdul Raji, M. N. (2021). Aplikasi pendekatan Interpretive Structural Modeling (ISM) dalam pembangunan Model Pengurusan Pentaksiran Kanak-kanak Prasekolah: Application of Interpretive Structural Modelling approach (ISM) in developing Preschool Students' Assessment Management Model. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 10, 1–9. <https://doi.org/10.37134/saej.vol10.sp.1.2021>.
- Anik Lestarinigrum (2015). The Effects Of Traditional Game 'Congklak' And Self – Confidence Towards Logical Mathematical Intelligence Of 5-6 Years Children. *Jurnal Indria (Jurnal Ilmiah Pendidikan Prasekolah dan Sekolah Awal)* 3(1):13-22. DOI:10.24269/jin.v3n1.2018.pp13-22
- A Ayub, M Ghazali, AR Othman. (2013). Preschool children's understanding of numbers from multiple representation perspective. *IOSR Journal of humanities and social science* 6, 93-100
- Bambang Yuniarto (2020). Membangun Kesadaran Demokrasi Melalui Pendekatan Kontekstual Pada Pembelajaran Pendidikan Kewarganegaraan. *Jurnal Edueksos*, Vol 9, No 1, The journal of social and economics education. <http://dx.doi.org/10.24235/edueksos.v9i1.6388>.
- Chen, J. Q., & McNamee, G. D. (2023). Positive Approaches to Learning in the Context of Preschool Classroom Activities. *Early Childhood Education Journal*.
- Chua, Y.P(2020) Mastering Research Statistic (3rded.). Shah Alam, Malaysia: McGraw-Hill Education.
- Cuprianto Cuprianto & Maichel Firmansyah. Optimalisasi Pembelajaran Sejarah dengan Pendekatan Kontekstual untuk Meningkatkan Literasi Politik Siswa Sekolah Menengah Atas (2023). *Journal of Education & Pedagogy*, Volume 2 Nomor 1 2022, pp 61-67, ISSN: 2827-864X (Online) – 28279670 (Print). <https://doi.org/10.24036/nara.v2i1.118>.
- Irdhan Epria Darma Putra, Rudi Nofindra & Agung Dwi Putra (2020). Peningkatan Kompetensi Guru Seni Musik Melalui Pembelajaran Berbasis Literasi Menggunakan Pendekatan Kontekstual. *Jurnal Pertunjukan dan Pendidikan Musik*, Vol. 2 No. 2 Th. 2020, Hal 70-76, ISSN: Online 26570599 (online). <https://doi.org/10.24036/musikolastika.v2i2.45>.
- Junifer Siregar (2021). Pengembangan Bahan Ajar Membaca Sastra Berbasis Pendekatan Kontekstual pada Siswa SMP. *Jurnal Ilmu Pendidikan* Volume 3 Nomor 6 Tahun 2021 Halm 4274 – 4288. <https://edukatif.org/index.php/edukatif/index>.
- Kothari, C. R. (2014). *Research Methodology: Methods and Techniques* (3rd ed.). New Delhi: New Age International (P) Limited.
- Mazeni Ismail & Hasmadi Hassan. (2017). Gaya pengajaran dalam kalangan guru Tabika Kemas di Kelantan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* (Volume 6, No. 2, 2017 (Special Issue).

- Norsyaidah Seliaman & Mohd Uzi Dollah (2018). Pengajaran Matematik Sekolah Rendah Menggunakan Pendekatan Kontekstual: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, Vol.8 No.2 Dec 2018 / Issn 2232-0393. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPSMM/article/view/2196/1819>.
- Pianta, R. C., Hamre, B. K., & Stuhlman, M. W. (2021). Observing Teacher-Child Interactions in Preschool: A Tool for Assessing Quality in Early Childhood Education. *Early Childhood Research Quarterly*.
- Nursalam. (2016). Metodologi Penelitian Ilmu Keperawatan. Jakarta: Selemba. Medika. Salkind, N.J. (2006) Exploring Research. 6th Edition, Prince-Hall, Upper Saddle River.
- Sharifah Nurarfah S. Abd Rahman, Abdul Halim Abdullah & Nor Hasniza Ibrahim (2023). Pembangunan Strategi Pembelajaran Kontekstual Berbantuan GeoGebra Untuk Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Murid Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN: 2504-8562) 2023, Volume 8, Issue 2, e002115. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2115>.
- Siti Nur Nadirah Ibrahim, Nor Syaidah Bahri, Nura Zafirah Zailan, Karimah Kassim, Alia Izzati Safuan. (2020). Kaedah Pengajaran Guru Dalam Awal Matematik Kepada Kanak-Kanak Di Tadika Swasta Di Selangor: Satu Kajian Kualitatif. persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020).
- Slavin, R. E. (2022). Cooperative Learning: Theory, Research, and Practice. *Educational Research*.
- Smith, L., & Jones, M. (2022). Inquiry-Based Learning in Early Childhood Education: The Impact on Children's Understanding of Scientific Concepts. *Journal of Science Education*.
- Youngman, M.B. & Eggleston, J.F. 1982. Constructing tests and scales. School of Education University of Northingham